

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 November 2006

SOALAN

YB Datuk Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tentang angka tepat penerima Skim Bantuan Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan di kawasan Parlimen Kinabatangan dan mekanisme serta prosedur dalam mengenal pasti kelayakan pemohon dari masa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan Skim Bantuan Bulanan yang bersesuaian kepada pelbagai golongan sasar termasuk Warga Emas untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan memastikan Warga Emas dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Skim bantuan yang disediakan untuk kumpulan sasar ini dikenali sebagai Bantuan Orang Tua (BOT) dan merupakan bantuan bulanan bagi Warga Emas yang tinggal dalam komuniti dan menghadapi masalah kewangan. Kadar bantuan ini adalah sebanyak RM200.00 seorang sebulan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penerima BOT bagi kawasan Parlimen Kinabatangan adalah seramai 74 orang yang mana 60 orang dari Daerah Kinabatangan dan 14 orang dari Daerah Tongod. Dalam usaha mengenalpasti Warga Emas yang memerlukan bantuan atau perkhidmatan JKM, setiap kes yang dikesan oleh pegawai JKM di Daerah atau atas permohonan sendiri atau dirujuk daripada pelbagai sumber, akan diberi layanan mengikut proses pengendalian kes yang sedia ada. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat secara terus dengan pemohon dan bagi mereka yang layak akan diluluskan bantuan dalam tempoh satu bulan. Syarat dan kelayakan untuk pertimbangan BOT yang sedang diguna pakai oleh JKM pada masa ini adalah seperti berikut: i. Seorang Warganegara Malaysia; ii. Berumur 60 tahun dan ke atas; iii. Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupan serta tinggal dalam komuniti; dan iv. Tiada keluarga atau saudara mara, atau mempunyai saudara mara yang tidak mampu untuk memberi sumbangan. Setelah mendapat kelulusan bantuan, surat pemberitahuan kelulusan akan segera dihantar kepada mereka yang diluluskan bantuan dan proses pembayaran akan dibuat mengikut prosedur arahan kewangan yang sedia ada. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai dari semasa ke semasa untuk menjadikan mekanisme dan prosedur skim bantuan ini mesra pelanggan. Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : Encik Azmi bin Abd Karim 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan, JKM 4) No. Tel : 03 - 26971090 Jawapan Diluluskan Oleh :- 1) Nama : Encik Rafek bin Reshidullah 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Encik Abas bin Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Y.Bhg Datuk Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha MAKLUMAT TAMBAHAN 1. Perkhidmatan yang disediakan kepada Warga Emas adalah seperti berikut:- 1.1 Perkhidmatan Skim Bantuan Bulanan. a. Bantuan Orang Tua (BOT) bagi Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah untuk tahun 2005 adalah sebanyak RM4.357 juta dengan jumlah penerima seramai 4,454 orang. Peruntukan bagi menampung bantuan ini di seluruh Negeri Sabah termasuk Kawasan Parlimen Kinabatangan adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah. b. Bantuan Orang Tua (BOT) kepada Warga Emas di seluruh negara yang sedang dilayan oleh JKM berdasarkan tahun 2005 dengan kadar RM135.00 seorang sebulan. Peruntukan yang dibelanjakan seluruh Malaysia pada tahun 2005 sebanyak RM31.34 juta dengan bilangan penerima adalah seramai 23,256 orang. Mulai dari 1 Januari 2006 kerajaan telah menaikkan kadar baru BOT daripada RM135.00 ke RM 200.00 seorang sebulan.

